



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA**  
**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**

TARIKH : 03 JULAI 2025 | 07 MUHARRAM 1447 H  
HARI : KHAMIS

| BIL. | AGENSI MEDIA | TAJUK                                  |
|------|--------------|----------------------------------------|
| 1.   | Kosmo        | Rumput laut makin pupus, dugong hilang |

**Ringkasan Eksekutif**

Pada **03 JULAI 2025**, sebanyak **1** liputan media berkaitan Jabatan Perikanan Malaysia telah diterbitkan. Daripada jumlah tersebut, **0** liputan bersifat positif, **0** bersifat neutral, dan **1** liputan negatif direkodkan.

Disediakan oleh :

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Jabatan Perikanan Malaysia**

|    |                    |                                        |
|----|--------------------|----------------------------------------|
| 1. | Tajuk              | Rumput laut makin pupus, dugong hilang |
|    | Akhbar/Media       | Kosmo                                  |
|    | Muka surat/capaian | 14                                     |
|    | Kategori Liputan   | Negatif                                |

## Rumput laut makin pupus, dugong 'hilang'

**MERSING** – Misteri kehilangan mamalia laut, dugong di perairan Johor dipercayai berpunca daripada penyusutan teruk padang rumput laut sejak beberapa tahun lalu.

Ketua Penyelidik Program Eksplorasi Rumput Laut, Prof Madya Dr. Jillian Ooi dari Universiti Malaya (UM) berkata, rumput laut di kawasan Sungai Johor dilaporkan semakin berkurangan jika dibandingkan dengan keadaan sekitar tahun 2005.

"Kalau kita tanya orang kampung di Sungai Johor, mereka kata rumput laut sudah makin sedikit disebabkan kualiti air yang tidak bersih dan menjadikan rumput laut pun berkurang."

"Penduduk juga beritahu, sekitar tahun 2005 dugong ada banyak tetapi sekarang mereka kata sudah tidak nampak. Penyusutan tumbuhan marin ini secara tidak langsung memberi kesan kepada habitat semula jadi dugong," katanya.

Beliau berkata demikian

sempena Program Eksplorasi Rumput Laut Yayasan Johor Corporation (Yayasan JCorp) di Teluk Buih Kampungstay di sini semalam.

Dr. Jillian berkata, pihaknya juga kini sedang dalam usaha untuk melaksanakan pemetaan padang rumput laut di Pulau Setindan bagi mengenal pasti sama ada ia menyusut atau sebaliknya.

"Pemilihan Pulau Setindan kerana kawasan rumput laut yang senang untuk diakses. Tidak perlu bot, boleh jalan kaki berbanding tempat lain contohnya di Sungai Pulai, Sungai Johor di sana, kena naik bot," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, Zaidatul Zurita Abdul Rahman berkata, program itu mencerminkan komitmen berterusan Yayasan JCorp dalam memelihara ekosistem marin Johor yang telah bermula melalui projek rehabilitasi terumbu karang.



**GAMBAR** hai dugong yang ditemui di Sungai Punang, Lawas pada 19 Julai 2008.

### RINGKASAN :

Ketua Penyelidik Program Eksplorasi Rumput Laut, Prof Madya Dr. Jillian Ooi dari Universiti Malaya berkata, rumput laut di perairan Johor dilaporkan semakin berkurangan jika dibandingkan pada tahun 2005. Ini dipercayai menjadi punca misteri kehilangan mamalia laut (dugong) di perairan Johor.